

13 JUL 2000

PETRONAS-SUDAN/I

PETRONAS MENYUMBANG KE ARAH KESEJAHTERAAN SUDAN

Oleh: Mohd Fisol Jaafar

KHARTOUM, 13 Julai (Bernama) -- Petronas jelas memenuhi janjinya untuk memberi bantuan kepada rakyat Sudan, sebuah negara di mana ia beroperasi, tanpa prejudis terhadap warna kulit dan kepercayaan.

Omar Suhaimi Abu Hassan, pengurus negara Petronas bagi Sudan, berkata: "Di mana sahaja kami pergi, walaupun fokus adalah untuk meraih keuntungan daripada negara di mana kami beroperasi, kami tidak boleh lari daripada tanggungjawab kami sebagai warga korporat untuk menyumbang kepada kesejahteraan negara dan rakyatnya."

Menyumbang kepada kesejahteraan rakyat dan negara di mana ia beroperasi adalah piagam korporat keempat Petronas, syarikat minyak Malaysia itu.

Sejak beberapa tahun kebelakangan, Petronas telah menjadi peserta yang disegani dalam industri minyak dan gas antarabangsa selepas berjaya dalam berbagai penerokaannya di seberang laut.

Bercakap di ibu negara Sudan kepada wartawan-wartawan Malaysia yang melawat kemudahan-kemudahan Petronas di negara Afrika itu baru-baru ini, Omar Suhaimi berkata kenyataan dalam piagam itu sejajar dengan dasar Malaysia mengenai "Sejahteraan Jiran Anda".

"(Perdana Menteri) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menimbulkan perkara ini ketika beliau melawat Sudan tahun lepas dengan berkata beliau ingin melihat negara ini makmur kerana akhirnya, ia memberi faedah bersama," katanya.

Sumbangan Malaysia, amnya, dan Petronas, khususnya, kepada negara terbesar di Afrika ini dan 30 juta rakyatnya telah banyak memberi kesan, katanya Omar Suhaimi.

"Kesan paling jelas ke atas ekonomi Sudan ialah menerusi aktiviti-aktiviti carigali dan pengeluaran (E&P) minyak," katanya.

Penglibatan Petronas dalam aktiviti-aktiviti E&P di Sudan ialah menerusi Petronas Carigali Nile Ltd, anak syarikat Petronas Carigali Overseas Sdn Bhd (PCOSB).

Petronas Carigali Nile memegang kepentingan ekuiti 30 peratus dalam sebuah konsortium yang dipanggil Greater Nile Petroleum Operating Company (GNPOC). Anggota lain dalam GNPOC itu ialah China National Petroleum Corporation (CNPC) yang memegang ekuiti 40 peratus, Talisman (Greater Nile) B.V. dari Kanada 25 peratus dan syarikat minyak nasional Sudan, Sudapet 5.0 peratus.

Konsortium itu dianugerahkan dengan perjanjian perkongsian carigali dan pengeluaran (PSA) untuk tempoh 30 tahun dan perjanjian laluan paip minyak mentah (COPA) bagi aktiviti-aktiviti hiliran dan huluan di Sudan.

Aktiviti huluan termasuk carigali dan pembangunan medan minyak baru dan sedia ada di Blok 1, 2 dan 4 yang meliputi kawasan 48,900 kilometer persegi di Lembah Muglad, selatan Khartoum. Medan-medan ini dianggarkan mengandungi rizab minyak sebanyak 2.8 bilion tong.

Pengeluaran semasa di enam medan -- Heglig, Unity, Selatan Toma, El Nar, El Toor dan El Har -- dalam blok-blok ini ialah 180,000 tong sehari (bpd) dan dijangka mencecah 200,000 bpd menjelang 2002.

Aktiviti hiliran termasuk memasang paip eksport sepanjang 1,504 kilometer dari Heglig ke Pelabuhan Sudan, membina enam stesen pengepam di lokasi-lokasi strategik sepanjang laluan paip, dan membina terminal eksport marin di Pelabuhan Sudan. Eksport minyak pertama Sudan sebanyak 4.5 juta tonne telah dibawa menerusi terminal itu pada 30 Ogos tahun lepas.

"Kami mempunyai operasi besar di Blok 1, 2 dan 4. Dari satu sudut, kami

akan meraih faedah langsung daripada aktiviti-aktiviti ini, dan kerajaan Sudan, sebagai rakan kongsi dalam konsortium itu, juga akan mendapat keuntungan yang besar daripadanya.

"Ia menyumbang secara langsung kepada kemakmuran negara ini. Memanglah, terpulang kepada kerajaan Sudan untuk memutuskan bagaimana sumbangan ini boleh memberi faedah kepada rakyatnya," kata Omar Suhaimi.

Petronas juga memberikan sokongan teknikal dengan memperkembangkan kepakaran dan keupayaan penduduk Sudan yang terlibat dalam industri minyak dan gas. Ia adalah sebahagian daripada strategi yang dipanggil "Program Sudanisasi", yang turut disebut di dalam PSA dengan GNPOC.

"Sudanisasi berasaskan Program Malaysianisasi. Kami mahu berkongsi kejayaan kami dengan Sudan," Omar Suhaimi menjelaskan.

Latihan merupakan sebahagian daripada Program Sudanisasi. Perkhidmatan Penyelidikan dan Saintifik Petronas (PRSS), anak syarikat Petronas, banyak membantu dalam menubuhkan makmal petroluem pusat Kementerian Tenaga dan Perlombongan Sudan (MEM) di Khartoum.

Petronas membantu MEM mengenal pasti keperluan dalam mereka bentuk kemudahan-kemudahan makmal dan kelengkapan yang diperlukan. Ia turut membantu menilai tender, pembekal dan kontraktor, selain daripada melatih 15 penganalisis dan ahli kimia di PRSS.

Kenapa Petronas dipilih sebagai agen perubahan program pembangunan tenaga manusia Sudan?

"Secara peribadi, saya rasa mereka boleh memandang kepada dua pihak lain (dalam konsortium itu) tetapi kami telah menunjukkan bahawa apa yang boleh kami lakukan dengan pengalaman 25 tahun," kata Omar Suhaimi.

Petronas turut menawarkan biasiswa kepada para pelajar Sudan yang belajar di Universiti Teknologi Petronas di Perak agar dapat mereka berkhidmat kepada rakyat mereka apabila mereka kembali ke Sudan.

"Faedah itu bukan untuk kami, ia untuk mereka. Mereka akan maju dengan sendiri. Ia adalah kemajuan jangka panjang, bukan keuntungan jangka pendek atau manfaat bagi kami," Omar Suhaimi menjelaskan.

Faedah lain bagi Sudan ialah penerimaan budaya kerja tiga rakan kongsi minyak lain -- Petronas, Talisman and CNPC. Tetapi Omar Suhaimi memaklumkan bahawa kebanyakan prosedur kerja yang diadakan adalah berdasarkan kepada prosedur Petronas.

Beliau berkata prosedur-prosedur GNPOC direkakan bentuk sejajar dengan yang dilaksanakan dalam operasi-operasi milik Petronas.

"Proses tender, penilaian dan prosedur pemberian kontrak sama dengan apa yang kami laksanakan," katanya.

Petronas juga terlibat dalam kajian-kajian bersama dengan kerajaan Sudan mengenai potensi lapangan minyak di kawasan-kawasan yang bersempadan dengan Mesir dan luar pantai Laut Merah, yang pertama oleh sebarang syarikat minyak asing yang beroperasi di negara ini.

Ia mengumpul hasil dan data untuk MEM. "Ia terpulang kepada mereka (kerajaan Sudan) memutuskan samada kajian-kajian ini akan menghasilkan blok-blok dibangunkan, tidak kira siapa yang akan menjadi pengendali.

"Walaupun jika Petronas bukan pengendali, dari satu sudut, ia masih menyumbang kepada kemakmuran negara itu," kata Omar Suhaimi.

Beliau berkata unsur utama dalam rancangan globalisasi Petronas ialah mengadakan hubungan jangka panjang yang memberi faedah bersama.

Petronas, tegasnya, bukan pengendali sementara.

"Kami mahu meneruskannya. Kami mahu berkembang bersama-sama, bukan seperti syarikat-syarikat bebas lain yang datang ke sini, buat duit kemudian jual kepentingan mereka kemudiannya.

"Kami tidak berbuat begitu di sini atau di mana-manapun. Kami ingin memperluaskan perniagaan kami," tambah Omar Suhaimi.

Kehadiran Petronas dan rakan-rakan kongsi dari Kanada dan China di

Sudan juga memberi manfaat kepada masyarakat perniagaan tempatan di sini.

Omar Suhaimi berkata pemilik rumah mendapat faedah daripada sewa hartanah-hartanah mereka, begitu juga para pedagang di Khartoum.

Permintaan kian meningkat untuk banyak perkara, contohnya makanan dan peruntukan-peruntukan lain, di mana katanya tidak pernah dilihat sebelum ini.

Beliau menolak tanggapan rakan-rakan kongsi dalam konsortium itu tidak gembira dengan cara Petronas berurusan di Sudan.

"Pada asasnya, setiap rakan kongsi saling menghormati kerana kami rasa apa yang kami lakukan adalah oleh kami keseluruhannya.

"Entah macam mana, kami dapat berurusan dengan mencampurkan semua ideologi yang berbeza yang ada dalam mencapai matlamat bersama.

"Bagaimanapun, sebelum kami "berkahwin", kami telah melakukan persediaan. Walaupun dalam "kahwin paksa", kami mesti menerimanya dan memahami bagaimana rakan-rakan kongsi kami bekerja."

Omar Suhaimi berkata etika kerja Petronas telah diiktiraf di Sudan.

Petronas kini telah diterima ramai berbanding masa lalu di mana para jurutera dan juruteknik kami mula menapak di sini pada pertengahan 1990-an.

"Bila kami datang, kami menghadapi kesukaran kerana nama kami tidak sebesar gergasi-gergasi petroleum lain. Bila kami mula datang, tiada siapa yang pernah mendengar Petronas dan sebahagian mereka sering salah menyebut nama kami untuk memberi maksud yang berlainan.

"Tetapi, kerana hubungan mantap yang diperkembangkan di antara kedua-dua negara, tiga tahun kemudian, mereka (rakyat Sudan) tahu siapa kami dan di mana kami berdiri," kata Omar Suhaimi dengan bangga. -- BERNAMA

MFJ JR OS